

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 14 MEI 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1211-L11237
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan :-
 - (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah anti-perpaduan, anti-semenanjung dan sentimen kedaerahan yang dimainkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.; dan
 - (b) apakah sebab utama perkara ini berlaku.
2. PR-1211-L12099
Tuan Roslan bin Shaharum [Bukit Gantang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa peratuskah pelajar luar bandar yang memasuki MRSM dari sejak penubuhannya sehingga kini dan jelaskan dasar pengambilannya.
3. PR-1211-L11700
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan -
 - (a) adakah Kementerian sedar di Johor, kos pengurusan sisa pepejal berjumlah RM 200 juta setahun, di mana RM 180 juta dibayar kepada syarikat konsesi manakala selebihnya dibayar kepada kontraktor lantikan Pihak Berkuasa Tempatan; dan
 - (b) bolehkah kos-kos berkaitan ditanggung Kerajaan Persekutuan kerana ketidak mampuan Pihak Berkuasa Tempatan membayar kos tersebut kepada Syarikat Konsesi.

4. PR-1211-L12646
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan siapakah yang bertanggungjawab memastikan proses pengauditan standard dilaksanakan agar piawaian ini dapat menjamin status produk tersebut.
5. PR-1211-L11460
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menerokai penggunaan sumber biodiesel selain daripada kelapa sawit untuk menggantikan minyak petroleum dan diesel.
6. PR-1211-L12293
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk melaksanakan dasar mengajar sains dan matematik dalam bahasa Inggeris sejak 2003 mengikut peringkat sekolah rendah dan menengah dan tahap pencapaian setakat ini.
7. PR-1211-L11619
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat manakah kemajuan pelaksanaan perancangan Program Lonjakan Mega Luar bandar bagi Projek Agropolitan di daerah Setiu telah dilaksanakan sehingga kini.
8. PR-1211-L12487
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat yang diberikan kuasa untuk menjalankan Pemeriksaan Kenderaan di seluruh negara dan bagaimana Kementerian dapat mengawal prestasinya.
9. PR-1211-L11633
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
 - (a) berapa nilai pampasan pekerja yang dibayar Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) pada tahun 2005,2006 dan 2007; dan
 - (b) berapa jumlah kemalangan di tempat kerja yang direkodkan pada tahun 2005, 2006 dan 2007.
10. PR-1211-L12556
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah masih ramai terdapat Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) di sekolah-sekolah, walhal Kementerian hendak mensasarkan sifar GSTT. Adakah ini disebabkan masalah "mismatch".

11. PR-1211-L11599
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil bagi membantu petani-petani Hulu Terengganu yang tanaman mereka sentiasa diancam kemusnahan oleh gajah-gajah liar.
12. PR-1211-L11287
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kemajuan di dalam siasatan kes culik dan bunuh Nurin Jazlin, kehilangan Sharlinie dan Muhamad Asmawi Jalaluddin. Apakah rintangan yang dihadapi oleh Kementerian untuk menyediakan suasana yang selamat untuk orang ramai
13. PR-1211-L12202
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah efektif dari Kementerian untuk menyelesaikan masalah guru sementara di SRJK (C) dan berapakah statistik guru sementara di SRJK (C) di seluruh negara.
14. PR-1211-L11345
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang membuat dasar (keperluan minima) di mana setiap kawasan Parlimen terutama kawasan luar bandar, perlu diberi satu projek besar atau sederhana seperti projek pembangunan infrastruktur (jalan, bekalan elektrik dan air), yang diminta oleh Wakil Rakyat supaya ia menjadi kebanggaan rakyat di kawasan Parlimen yang menyokong pemimpin tersebut.
15. PR-1211-L11887
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah ketegasan Kerajaan dalam mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana anggota pentadbiran negara tanpa mengira kedudukan dan pangkat sekiranya ada bukti yang menunjukkan kewujudan salahguna atau pencabulan kuasa demi menjaga kewibawaan dan integriti Kerajaan.
16. PR-1211-L12370
Datuk Richard Riot Ak. Jaem [Serian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan rancangan Kementeriannya untuk mengatasi masalah kesesakan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah termasuk di SMK Tebakang, SMK Taei dan SMK Serian di kawasan Parlimen Serian.
17. PR-1211-L12407
Datuk Zahrain Mohamed bin Hashim [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos sebenar jambatan kedua Pulau Pinang dan apakah cara pemberian kontrak tersebut dibuat.

18. PR-1211-L12622
Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah kejayaan pendekatan Islam Hadhari telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam bentuk:-
- (a) dasar-dasar negara yang universal dan boleh diamalkan secara praktikal oleh semua rakyat; dan
 - (b) suatu pendekatan bagi menyatakan bahawa Malaysia adalah negara Islam contoh di peringkat antarabangsa.
19. PR-1211-L11430
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada perantikan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) satu taktik khusus untuk menghalang peruntukan disalurkan ke negeri-negeri yang bukan di bawah pentadbiran Barisan Nasional.
20. PR-1211-L11820
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak bermaya sedangkan Indeks Komposit melambung tinggi.
21. PR-1211-L11972
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pembaharuan dan kejayaan signifikan yang telah Malaysia bawa kepada Negara-negara Islam OIC sepanjang tempoh ia menjadi Pengerusi OIC.
22. PR-1211-L11655
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang membina sebuah Politeknik di kawasan Parlimen Silam.
23. PR-1211-L11732
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah baru yang perlu diambil bagi menjamin harga jualan barangan termasuk barangan makanan terkawal, tidak naik ke tahap yang membebankan pengguna.
24. PR-1211-L12091
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian bersedia untuk menggantikan dua sistem peperiksaan kemasukan universiti yang berlainan iaitu STPM dan matrikulasi dengan satu sistem peperiksaan yang sama untuk semua pelajar Malaysia yang ingin memohon tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam.

25. PR-1211-L11970
Tuan Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa dari sebelum Pilihan Raya Umum ke 12 hingga ke hari ini bahan-bahan binaan seperti besi keluli dan bahan-bahan input pertanian seperti baja, racun serangga dan rumpai dan juga makanan asas seperti beras, ikan dan sayur telah meningkat dengan mendadak dan jika ya, tindakan yang telah dan bakal diambil untuk mengatasi masalah ini.
26. PR-1211-L12693
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keseriusan perubahan iklim di negara ini termasuk hujan yang begitu kerap kali dalam tahun ini. Apakah yang dirancang oleh Kementerian agar kita dapat menghadapi krisis ini.
27. PR-1211-L12412
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dan bagaimana pengisytiharan aset-aset Ahli Kabinet akan dilakukan bagi meningkatkan ketelusan dan integriti pihak eksekutif
28. PR-1211-L11836
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah program untuk mengambil anggota-anggota yang telah bersara berkhidmat kembali memandangkan tidak ramai yang minat berkhidmat dengan PDRM.
29. PR-1211-L12618
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) sungguhpun ada seksyen 6 Akta Peminjam Wang 2003 dan Peraturan 8, Peraturan-peraturan (Pengawasan dan Perlesenan) Pinjaman Wang 2003 yang mewajibkan iklan-iklan oleh peminjam wang diluluskan oleh Pendaftar, apakah sebabnya banyak iklan meminjam wang didapati sekarang di merata tempat; dan
 - (b) sekiranya iklan-iklan ini tidak diluluskan, apakah tindakan yang telah diambil dan berapa peminjam wang (berlesen dan tidak berlesen) telah dituduh di mahkamah, termasuk di bawah seksyen 5(1).

30. PR-1211-L11906
Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia terhadap kemerdekaan negara Kosovo dan nyatakan sebab-sebabnya.
31. PR-1211-L11588
Dr. Mohamed Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah yang dapat diselesaikan sepanjang 2005, 2006, 2007 mengikut kategori dan negeri serta bentuk hukuman yang telah dikenakan.
32. PR-1211-L12439
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah alasan Kerajaan menghentikan perbincangan dengan Volkswagen mengenai pengambil alihan Proton dan
 - (b) berapa lama lagi Kerajaan bercadang untuk menyediakan perlindungan kepada Proton dan kos yang telah dibebani.
33. PR-1211-L12414
Tuan Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana kedudukan prestasi projek-projek Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK 9) sehingga kini khususnya bagi Negeri Pahang.
34. PR-1211-L12366
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan Persekutuan dapat meningkatkan lagi bidang keusahawanan dan perniagaan di kalangan bumiputera khususnya di Limbang.
35. PR-1211-L11682
Dato' Lee Chee Leong [Kampar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah pengaliran tenaga-tenaga profesional negara kita ke negara-negara luar, sedangkan negara kita memerlukan golongan-golongan ini untuk terus berkhidmat di negara ktia demi pembangunan negara.
36. PR-1211-L11420
Puan Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk membina sebuah wisma kastam, imigresen dan kuarantin (CIQ) di Tawau, memandangkan Tawau merupakan laluan utama ke Indonesia di mana perniagaan tukar-menukar barangan dan pelancongan membawa pendapatan bulanan sebanyak berjuta-juta Ringgit.

37. PR-1211-L11758
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang aduan awam berhubung kehilangan nama pemilih dan perpindahan alamat pemilih semasa pilihan raya umum 2008 serta kesalahan-kesalahan pilihan raya yang berlaku.
38. PR-1211-L11929
Tuan Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menubuhkan cawangan Kementerian sendiri di setiap negeri.
39. PR-1211-L12134
Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
- (a) siapakah pemaju projek Kompleks Pudu Raya/Plaza Rakyat, Kuala Lumpur yang telah lama terbengkalai; dan
 - (b) berapa kos projek tersebut dan bilakah projek tersebut dijangka disiapkan.
40. PR-1211-L11573
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah dan rancangan yang akan dilakukan oleh Kementerian dalam memberikan penjelasan kepada rakyat berkaitan dasar bantuan dan program yang Kerajaan dilihat gagal menerangkan kepada rakyat tentang pelbagai perkara yang dilakukan oleh pelbagai Kementerian hinggakan terdapat dikalangan rakyat melihat Kerajaan langsung tidak melakukan sesuatu untuk kepentingan rakyat terutama golongan bawahan.
41. PR-1211-L12050
Dato' Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan-kesan ke atas ekonomi negara ekoran peningkatan nilai Ringgit Malaysia berbanding Dollar US.
42. PR-1211-L11728
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian sedar tentang keengganan beberapa pihak sekolah di Sabah untuk mengadakan kelas pembelajaran bahasa Kadazandusun walaupun boleh diadakan kerana pembelajaran bahasa ini tidak termasuk dalam mata pelajaran UPSR. Apakah tindakan susulan bagi mengatasi masalah tersebut.

43. PR-1211-L11367
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar mengikut ketetapan Perancangan Desa dan Bandar, Negeri Pulau Pinang perlu menambah 13 buah SRJK(C) dalam tempoh 2006-2010. Apakah Kementerian akan mengkaji balik RMK-9 supaya penambahan SRJK(C) disenaraikan dalam RMK-9.
44. PR-1211-L11411
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) sebab-sebab keengganan Malaysia menjadi anggota Mahkamah Jenayah Antarabangsa (International Criminal Court); dan
 - (b) senaraikan terma-terma yang boleh diterima pakai atau yang tidak sesuai semasa rundingan diadakan setakat ini.
45. PR-1211-L12451
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang beliau maksudkan dengan kenyataan 6 Mac lalu bahawa Kerajaan akan memastikan bahawa sekiranya untuk menaikkan harga minyak, ia tidak akan membebankan rakyat dan apakah kaitannya dengan kenyataan bahawa kira-kira 4,000 pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memantau harga barangan mulai 1 April ini.
46. PR-1211-L11464
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan dan jumlah peruntukan Kerajaan untuk mengatasi banjir kilat di semua bandar di seluruh Malaysia.
47. PR-1211-L12048
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapakah Kementerian tidak membina jalan empat lorong antara Seremban ke Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
48. PR-1211-L12162
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa Kerajaan enggan untuk melaksanakan dasar penerbangan secara liberal (Open Sky) dan membenarkan MAS beroperasi secara tambang murah untuk perkhidmatan rakyat Malaysia dan kenapa perlu membenarkan syarikat swasta seperti AirAsia untuk memonopoli perkhidmatan tersebut.

49. PR-1211-L12375
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan pengrekrutan anggota polis yang amat diperlukan untuk mengurangkan kes jenayah yang amat serius dan apakah jumlah anggota polis terkini mengikut pecahan tanggungjawab mereka.
50. PR-1211-L11432
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (CVLB) merestui sistem 'pajak' yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat bas awam di Pulau Pinang.
51. PR-1211-L11351
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian akan meneruskan program pemberian RM300 sebulan kepada kanak-kanak cacat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagaimana yang disarankan Menteri terdahulu; dan
 - (b) apakah program-program yang disediakan serta langkah-langkah pemantauan bagi memastikan kanak-kanak ini tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.
52. PR-1211-L11466
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos sebenar pembinaan Putrajaya dan sewa tahunan Kerajaan Persekutuan serta agensi-agensi di bawah Kerajaan yang dibayar kepada Putrajaya Holdings sejak 1999.
53. PR-1211-L12621
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebab-sebab utama kenaikan harga bahan bakar dan tenaga elektrik dan kaitannya kepada kenaikan harga barangan keperluan rakyat seperti makanan dan pengangkutan awam. Sila jelaskan langkah Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga tersebut bagi mengurangkan beban rakyat.
54. PR-1211-L11704
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nilai keuntungan syarikat luar pesisir TNB International Coal serta sebab-sebab yang mendorong Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendaftarkan anak syarikat luar pesisirnya di negara asing dan tidak di Labuan.

55. PR-1211-L12041
Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Kerajaan masih belum membebaskan 20 tahanan ISA yang telah mencapai 6 tahun pada tahun ini. Adakah 6 tahun belum cukup Kerajaan mencari bukti untuk mendakwa mereka di mahkamah.
56. PR-1211-L11818
Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah kejayaan dan polisi kementerian bagi mempromosikan kegunaan sumber tenaga alternatif dan adakah Kerajaan bersedia untuk membuat sasaran peratusan kegunaan tenaga alternatif secara rasional dalam jangka masa terdekat.
57. PR-1211-L11550
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada beliau sudah memahami mesej jelas 'tsunami politik' 8hb Mac untuk membawa pembaharuan supaya SJKC dan SJKT mendapat peruntukan dan layanan adil, termasuk pembinaan sekolah-sekolah baru, berdasarkan keperluan-keperluan enrolmen dan bukannya pertimbangan politik.
58. PR-1211-L11261
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana kejayaan projek lampu jalan di kampung-kampung sehingga hari ini.
59. PR-1211-L11277
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sehingga kini apakah kemajuan penggunaan NGV untuk semua jenis kenderaan dan apakah strategi Kerajaan seterusnya untuk meningkatkannya.
60. PR-1211-L12148
Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membantu nelayan pantai; dan
 - (b) berapa banyakkah subsidi E-Petrol yang dikeluarkan berbanding dengan E-Diesel sejak 3 tahun kebelakangan ini dan tidakkah Kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan tukun tiruan (contohnya bajet sebanyak RM500 juta setahun) untuk memperbanyakkan lagi ikan di laut.

61. PR-1211-L11308
Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada projek-projek mega di negeri-negeri yang dipimpin oleh pembangkang akan terjejas. Apakah projek-projek yang akan dikaji semula oleh negeri-negeri berkenaan.
62. PR-1211-L12187
Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan negara kita masih menghadapi masalah kekurangan guru terutamanya di sekolah rendah dan menengah aliran cina, senaraikan:-
- (a) bilangan guru dan guru besar yang masih diperlukan untuk mengisi semua jawatan kosong di sekolah rendah dan menengah aliran Cina; dan
 - (b) bilangan guru sementara yang bertugas di seluruh negara dan bilangan guru yang bersara berbanding dengan bilangan guru terlatih baru pada tahun 2007.
63. PR-1211-L12004
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan peperiksaan Certificate of Legal Practice (CLP). Jika ada, bila dan apa yang dicadang oleh Kerajaan untuk menggantikan peperiksaan CLP tersebut.
64. PR-1211-L11562
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan garis panduan Kementerian Kewangan berkenaan dengan pemberian kontrak mengikut cara tender terbuka yang perlu diikuti oleh Kerajaan Negeri.
65. PR-1211-L11255
Datuk Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan kepada rakyat bahawa semua projek pembangunan yang berbagai jenis dan bidang akan diteruskan sepertimana yang telah dirancang dan diluluskan, khususnya di negeri-negeri yang ditawan oleh pihak pembangkang pada pilihanraya ke 12 yang lalu.
66. PR-1211-L11605
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan aktiviti pelaburan Tabung Haji di luar negara. Berapa banyakkah Tabung Haji memperuntukkan dananya dalam pelaburan sektor pertanian terutama kelapa sawit, dan bagaimanakah pulangan dari pelaburan tersebut. Bagaimana pula dengan tenaga kerja yang terlibat dalam menguruskan pelaburan di luar negara.

67. PR-1211-L11950
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah untuk mengawal harga barang pembinaan yang semakin tinggi.
68. PR-1211-L11467
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mewajibkan penyediaan kemudahan bagi Orang Kurang Upaya di bangunan awam termasuk kompleks membeli belah dan sebagainya.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat pada mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] dan masalah dicadangkan :-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kedua Belas”.

Menyambung semula perbahasan atas masalah (13 Mei 2008)

2. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Kedua Belas yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang lagi Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

1. Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi);
2. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Ahli Parlimen Pekan;
3. Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting, Ahli Parlimen Kulai;
4. Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Ahli Parlimen Penampang;
5. Yang Berhormat Datuk Douglas Uggah Embas, Ahli Parlimen Betong;
6. Yang Berhormat Datuk S. Subramaniam, Ahli Parlimen Segamat; dan
7. Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Ketua Pembangkang”.

3. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

“Bahawa Yang Berhormat Dato’ Seri Azmi bin Khalid, Ahli bagi kawasan Padang Besar dan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahli bagi kawasan Kepong masing-masing dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Kedua Belas.”

4. (D.R 1/2008) **Rang Undang-Undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008** Bacaan Kali Yang Kedua

[Menteri Kewangan]

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4) (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut :-

‘Kumpulan Wang Amanah Projek Penandaan Dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia.’ “

6. PR-1211-U11249

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa ‘Cabotage Policy’ yang diamalkan sekarang haruslah dimansuhkan memandangkan polisi ini akan membantutkan usaha Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai lagi pelabur untuk melabur di negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa ‘Cabotage Policy’ yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1980 ini membebankan rakyat Sabah kerana mereka terpaksa membayar 20-30% lebih bagi barangan yang di import ke negeri Sabah berbanding dengan rakyat di Semenanjung Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa ‘Cabotage Policy’ yang diperkenalkan mengikut ‘Merchant Shipping Act’ 1952 melalui ‘Domestic Shipping Licensing Board’ bagi melindungi industri perkapalan negara pada ketika itu, telah pun lapuk di mana pada masa ini kebanyakan barangan boleh diimport terus ke negeri Sabah dari negara asal dan negara sudah mempunyai banyak syarikat perkapalan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memansuhkan ‘Cabotage Policy’ ini dan mengamalkan ‘Open Sea Policy’ bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah khasnya dan menjayakan Sabah ‘Development Corridor’.

(Menteri Pengangkutan)

7. PR-1211-U11250

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa tahap pencemaran bunyi bising terutama sekali daripada 'Car Horn', para penjual langsung seperti penjual gas dan lain-lain yang masuk ke taman-taman perumahan dan kampung-kampung telah mencapai tahap yang kritikal dan membimbangkan kesihatan rakyat.

Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian yang dijalankan oleh 'Egyptian National Research Centre' (NRC), setiap hon yang dibunyikan mencapai tahap bunyi 90 Desibel (Dbs), jauh melebihi had yang dibenarkan oleh 'Environmental Protection Agency' iaitu 35-35 Dbs. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian tersebut lagi, pencemaran bunyi bising ini boleh menyebabkan ketidakselesaan hidup rakyat di mana ianya boleh menyebabkan Penambahan Hormon Tekanan Jiwa, pembengkakan dan perubahan kimia badan yang boleh menyebabkan masalah ketidakseimbangan atau kerosakan aliran darah dalam badan serta serangan jantung. Dan mengambil maklum bahawa kajian tersebut juga mendapati bahawa pencemaran bunyi bising juga boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti penyakit darah tinggi, kehilangan daya pendengaran dan ketidakstabilan mental. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda akta bagi membendung dan mengawal masalah pencemaran bunyi demi untuk kesejahteraan hidup rakyat.

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

8. PR-1211-U11256

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis hari ini adalah pemimpin hari esok.

Dan mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini lebih cenderung kepada pusat rekreasi berasaskan Internet mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini juga lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui Internet yakni laman-laman web dan blog berbanding dengan cara terdahulu iaitu melalui media massa dan elektronik. Dan mengambil maklum juga bahawa, oleh kerana kecenderungan belia dan beliawanis ini melayari Internet, mereka pada hari ini seolah-olah terasing dan lebih tepat lagi mereka mengasingkan diri daripada apa jua program yang dianjurkan Kerajaan dan ini sekali gus menyebabkan mereka tidak mendapat penjelasan mengenai program-program serta agenda-agenda pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan haruslah merangka satu pelan induk yang efektif, di mana Kerajaan melalui wakil-wakil rakyat dan kakitangan Kerajaan menyediakan satu forum yang bersesuaian dengan cita rasa golongan belia dan beliawanis hari ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan untuk menubuhkan 'One Stop Centre' di setiap kawasan Parlimen di Malaysia, di mana pusat ini akan dijadikan sebagai pusat maklumat, rekreasi berinteraksi dan tempat di mana wakil rakyat serta kakitangan Kerajaan dapat menemui dan mendekati golongan belia dan Kerajaan bagi menerangkan semua program-program dan polisi Kerajaan."

(Menteri Belia dan Sukan)

9. PR-1211-U12705
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan membincangkan pelbagai aspek penjenayahan di negara ini. Bahawa Dewan ini juga akan membahaskan setakat mana pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya diraja Polis dapat mengatasi penjenayahan."

(Menteri Dalam Negeri)

10. PR-1211-U12709
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbahaskan implikasi masalah ekonomi Amerika Syarikat seperti skandal subprime terhadap ekonomi Malaysia. Bahawa Dewan ini hendak mengetahui tindakan yang perlu diambil untuk menghadapi faktor-faktor yang kena-mengena dengan ekonomi tersebut."

(Menteri Kewangan)

11. PR-1211-U11516
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung televisyen sepenuhnya bagi sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan)

12. PR-1211-U11517

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

13. PR-1211-U11519

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

14. PR-1211-U11520

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

15. PR-1211-U11523

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

16. PR-1211-U12088
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya agar pendengaran yang dikendalikan oleh Mahkamah Majistret bergerak di daerah-daerah di seluruh negara demi untuk membantu penduduk di luar bandar dapat diberi kemudahan utama. Dengan adanya Mahkamah Majistret bergerak maka sudah tentunya penduduk-penduduk luar bandar diberi peluang untuk memohon bantuan guaman serta pendengaran kes-kes tribunal dan juvana dapat disegerakan."

(Perdana Menteri)

17. PR-1211-U12093
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dengan seriusnya untuk menetapkan supaya mempertingkatkan penggunaan baja-baja organik demi untuk mengelakkan penggunaan baja in-organik yang diperolehi terutama sekali daripada bahan petroleum di mana harga bahan mentah melambung tinggi. Logikanya ialah peningkatan bahan baja organik boleh didapati dengan mudah iaitu dari hasil bumi kita yang kaya dengan bahan-bahan ini, contohnya dari sisa hasil makanan rakyat jelata negara ini."

(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

18. PR-1211-U12097
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya, demi untuk memperluaskan pendidikan dan sekolah khas bagi kanak-kanak sub-normal serta yang hyper-aktif. Dengan perkembangan sekolah khas tersebut ke daerah-daerah tertentu maka ini dapat memudahkan ibu bapa menghantar anak-anak golongan hyper-aktif ini mendapat peluang pendidikan bersama-sama dengan semua pelajar kelak."

(Menteri Pelajaran)

19. PR-1211-U12648
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis / Dewan Bandar raya dan Majlis Perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan selaras dengan amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijelmakan dalam keputusan Pilihan raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Persekutuan)

20. PR-1211-U11457
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memastikan Kerajaan Persekutuan memperkenalkan Pilihan Raya Majlis Tempatan dan dengan secepat yang mungkin."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

21. PR-1211-U12502
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan ahli Parlimen Belanda, Geert Wilders yang menerbitkan filem pendek, 'Fitna' yang telah mencemarkan kesucian agama Islam. Dewan ini berpandangan bahawa hak kebebasan individu tidak boleh disalahgunakan untuk melakukan apa sahaja, termasuk mencabul hak masyarakat. Tindakan Geert Wilders telah mencalarakan hati 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia.

Dewan ini juga melahirkan kebimbangan sekiranya perbuatan biadab seperti ini dibiarkan akan merangsang tindakan di luar batas undang-undang. Ia adalah satu bentuk provokasi atas umat Islam supaya melakukan keganasan. Dewan ini dengan ini mendesak Parlimen Belanda supaya mengambil tindakan yang keras terhadap seorang manusia yang tidak bertamadun seperti Geert Wilders."

(Menteri Luar Negeri)

22. PR-1211-U12517
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula dasar-dasar yang digubal untuk membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar yang dilihat memberikan keuntungan ekonomi, politik dan sosial kepada Singapura. Dewan ini berpandangan bahawa WPI tidak seharusnya menjadi satu laluan kepada Singapura untuk 'menjajah' negara ini dalam bentuk baru (neo-colonialism)."

(Perdana Menteri)

23. PR-1211-U12520
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan menurunkan harga petrol sebanyak RM0.30 memandangkan kos hidup rakyat semakin meningkat pada hari ini. Dewan ini berpandangan bahawa kenaikan harga minyak dalam Dolar US tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengekalkan harga petrol kerana nilai Ringgit Malaysia lebih kukuh daripada Dolar US sekarang. Dewan ini mencadangkan kos untuk mengurangkan harga petrol ini disubsidikan oleh Petronas sepenuhnya."

(Menteri Kewangan)

24. PR-1211-U12526
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan mengkaji semula Peraturan Dewan bagi membolehkan urusan pembangkang didahulukan sebelum urusan Kerajaan. Dewan ini berpandangan bahawa Dewan ini adalah Dewan Rakyat yang perlu membawa suara rakyat dan mengambil berat kepentingan rakyat. Sebelum ini Dewan ini pernah mengamalkan dasar mengutamakan urusan pembangkang sehingga banyak kepentingan rakyat dapat dibahaskan sebelum ia dipinda bagi memberi keutamaan kepada urusan Kerajaan.

Dewan ini melahirkan rasa kesal kerana pihak Kerajaan gagal mengambil berat pandangan-pandangan pembangkang, khususnya usul-usul yang dikemukakan semenjak urusan Kerajaan diutamakan."

(Perdana Menteri)

25. PR-1211-U12529
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya semua tahanan ISA untuk dibicarakan di mahkamah terbuka atau dibebaskan jika Kerajaan tidak mempunyai bukti ke atas segala tuduhan ke atas semua. Dewan ini amat kesal ke atas penyalahgunaan ISA untuk kepentingan politik parti pemerintah."

(Menteri Dalam Negeri)

26. PR-1211-U12535
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan SPR membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya lepas. Dewan ini berpandangan bahawa tindakan tersebut adalah satu persekongkolan antara SPR dan BN untuk membolehkan pengundi hantu beroperasi bagi memenangkan BN.

Dewan ini mendesak supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan bagi menyiasat tindakan SPR yang mensabotaj rakyat dalam pilihan raya lepas."

(Perdana Menteri)

27. PR-1211-U12740
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan bagi membolehkan rakyat mendapat akses khasnya yang dipegang oleh badan-badan awam dengan menyegerakan pengenalan dasar dan undang-undang kebebasan Hak Mendapat Maklumat. Berlatar belakang kedudukan gejala rasuah yang semakin parah dan membarah seperti yang diketahui umum kini. Dewan ini berpandangan bahawa dasar dan undang-undang ini adalah amat penting bagi menggalakkan keterbukaan dan ketelusan amalan Kerajaan meningkatkan integriti dan kepercayaan rakyat terhadap institusi-institusi Kerajaan sekali gus menangani penyalahgunaan kuasa dan rasuah."

(Perdana Menteri)

28. PR-1211-U12741
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini merakamkan kekesalan dan kekecewaan yang amat sangat atas perubahan sikap pihak SPR yang gagal memenuhi beberapa janji mereka untuk memastikan bahawa PRU Ke-12 khususnya penggunaan dakwat kekal bagi mengelakkan pengundi 'multiple' dan capaian atau akses media yang adil dan bebas oleh semua parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya yang lalu sehingga berlaku sekali 'media blitz' oleh pihak BN. Dewan ini mendesak supaya permohonan BERSIH bagi mewujudkan sebuah Suruhanjaya Bebas ditubuhkan segera bagi menyasat segala dakwaan salah-laku, penyalahgunaan kuasa, kewujudan 'multiple voters' pelanggan undang-undang dan akta-akta pilihan raya secara menyeluruh bagi mempertingkatkan dan menambah baik proses pilihan raya."
- (Perdana Menteri)**
29. PR-1211-U12583
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Pelajaran supaya membuat perisytiharan terbuka tentang penggunaan semula Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk subjek Sains dan Matematik di sekolah."
- (Menteri Pelajaran)**
30. PR-1211-U12554
Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengutuk sikap tidak profesional Menteri Pelancongan yang membatalkan MoU berkaitan pelancongan dengan lima buah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat atas alasan tidak bersefahaman. Dewan ini berpandangan bahawa alasan tersebut bukan sahaja tidak munasabah, bahkan dipengaruhi oleh pemikiran politik kepartian yang amat sempit dan dangkal."
- (Menteri Pelancongan)**
31. PR-1211-U12590
Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula AUKU supaya ia selaras dengan hak-hak kebebasan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan. Dewan ini berpandangan sekatan yang dikenakan oleh AUKU ke atas kebebasan pelajar adalah bercanggah dengan Hak Asasi Manusia."
- (Menteri Pengajian Tinggi)**

32. **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa mutu dan nilai-nilai pengakap di kalangan murid-murid sekolah pada hari ini kian menurun berbanding dengan mutu dan nilai-nilai pengakap terdahulu. Dan mengambil maklum bahawa penurunan ini disebabkan kerana tiadanya guru-guru atau pegawai pengakap yang bertauliah atau berpengalaman bagi mengawasi badan-badan pengakap di sekolah-sekolah ini. Dan mengambil maklum bahawa amalan masa kini adalah memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru penasihat badan-badan pengakap ini sebagai pembimbing sedangkan guru-guru ini telah pun dibebani oleh tugas-tugas perguruan dan terdapat juga guru-guru yang tidak mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman asas sebagai pengakap. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran untuk membantu tugas formasi pengakap dengan menyediakan guru-guru pengakap yang bertauliah yang telah dilatih oleh Persatuan Pengakap Malaysia.”

(Menteri Pelajaran)

33. **Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah (Subang)** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Subang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2008.”

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2008</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD.4	Penyata Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua,2007	14 Mei 2008
CMD.4A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua,2007 Bagi Kerajaan Malaysia.	14 Mei 2008
CMD.5	Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan)(Bil.2) Tahun 2007	14 Mei 2008
CMD.5A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua,2007	14 Mei 2008
CMD.6	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh 17 Julai 2007 Hingga 31 Disember 2007,menurut Peraturan 68 Di Bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.	14 Mei 2008
ST.52	Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh 17 Julai 2007 hingga 31 Disember 2007,menurut Seksyen 6(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966.	14 Mei 2008

KERTAS PEMBERITAHUAN

1. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tujuh puluh empat juta sembilan ratus lima puluh ribu satu ratus lima puluh ringgit (RM74,950,150) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2007, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2007 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2008 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut. “